

## Persekitaran Tempat Penjagaan

- Kakitangan kami akan memastikan persekitaran yang selesa dan menjaga privasi awda semasa sesi perkongsian kesihatan yang berkaitan dengan risiko kanser.
- Konsultasi kami adalah khusus untuk pendidikan kesihatan bagi mewujudkan kesedaran dan pemberdayaan pelanggan kami untuk pengesanan awal dan pencegahan kanser.
- Kami menyelaraskan penjagaan awda ke Pusat Pakar di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) apabila diperlukan.

Kami bekerjasama dengan Pakar-Pakar Klinikal

- dan rakan-rakan kongsi dalam penjagaan kesihatan dan pendidikan kesihatan bagi memberikan penjagaan dan nasihat yang terbaik mengikut amalan berdasarkan bukti serta amalan-amalan terbaik.

## Membuat Perjanjian

Untuk menjadualkan temujanji, awda boleh menghubungi kami di :

**T:** +673 261 3333 ext 1515

### Waktu operasi:

Isnin - Khamis : 8pagi - 5ptg

Jumaat : 8pagi - 12ptg  
2ptg - 5ptg

Sila maklumkan kami perkara-perkara utama yang ingin awda ketahui semasa perjumpaan awda nanti. Ini akan membolehkan kami untuk membuat perjanjian yang sesuai untuk awda.

Pantai Jerudong Specialist Centre  
Jerudong, BG3122, Brunei Darussalam  
[www.pjscbrunei.com](http://www.pjscbrunei.com)

## Perkhidmatan Pengesanan Awal Dan Pencegahan Kanser (EDCPS)

Jangan diabaikan,  
Lakukan pemeriksaan!



**PANTAI JERUDONG**  
SPECIALIST CENTRE

## Misi

Misi kami adalah untuk mengurangkan jumlah rakyat di Negara Brunei Darussalam yang menghidap kanser atau yang didapati terlambat didalam membuat diagnosis kanser melalui program pengesanan awal dan saringan di pusat khusus kami.

## Tentang Kami

Kami menawarkan klinik konsultasi dan saringan kanser dengan memberi tumpuan kepada pendidikan kesihatan dan membuat penilaian risiko kanser bagi mereka yang berisiko tinggi dan/atau mempunyai sejarah keluarga yang menghidap kanser.

Kakitangan Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser terdiri daripada doktor, jururawat, penjaga kesihatan, pembantu hospital, kerani pentadbiran dan penyambut tetamu.

Kami juga menjalin kerjasama rapat dengan Konsultan-Konsultan Klinikal dan Pakar-Pakar tempatan kami dalam menyediakan pemeriksaan dan saringan dari penyiasatan diagnostik yang berkualiti tinggi serta membuat rujukan pada masa yang tertentu.

## Lokasi Kami

Klinik kami terletak di Tingkat 2, bangunan PJSC, bertentangan dengan Jabatan Pesakit Luar TBCC.

## Pada masa ini kami menyediakan prasarana untuk memudahcara kemasukkan awda ke Program Pemeriksaan Kanser Kebangsaan, iaitu:

1. Kanser Payudara
2. Kanser Serviks
3. Kanser Kolorektal

## Sasaran pemeriksaan kami adalah:

Individu yang sihat dari kumpulan umur sasaran (*target age group*) yang berminat untuk disaring untuk pengesanan awal kanser.

## Kami juga menyediakan klinik konsultasi untuk:

- Penilaian risiko kanser dan pendidikan.
- Individu yang mempunyai simptom-simptom yang spesifik seperti benjolan payudara, keluaran cecair daripada puting payudara, pendarahan selepas menopause, pengeluaran cecair dari alat sulit wanita yang tidak normal, tabiat usus yang tidak normal dan pendarahan dari rektum.
- Individu sihat yang mempunyai sejarah kanser yang tinggi dalam keluarga.

- Nasihat mengenai langkah pencegahan melalui vaksinasi:
  - Hepatitis B
  - HPV
- Pembelajaran mengenai pemeriksaan payudara secara sendiri.
- Pemeriksaan payudara secara klinikal.
- Pendidikan kesihatan melalui ceramah yang diberikan oleh doktor, jururawat dan kakitangan kesihatan bersekutu daripada EDCPS dan Pusat Kanser Brunei (TBCC) termasuk penceramah-penceramah jemputan.
- Sumber yang dikhasakan untuk penyelidikan *online* yang berkaitan dengan kanser juga disediakan di Pusat Pembelajaran di EDCPS.